


## Teka Silang Kata



## Pembayang

- Salah satu aktiviti utama Bahagian Pengurusan Hartanah
- Nama Pengurus Besar PAK
- Bahagian yang bertanggungjawab terhadap menggalakkan dan mengusahakan projek-projek bagi pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur keretapi atau kemudahan keretapi
- PAK adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian
- Jumlah Ahli Lembaga Pengarah PAK
- Nama Pegawai Undang-Undang PAK
- Jenis-jenis penyewaan – Jangka Masa Pendek dan Jangka Masa
- Fungsi-fungsi PAK di bawah Akta ..... 1991
- PAK beroperasi secara rasmi pada 1 .... 1992
- Unit Kewangan dan Akaun merupakan salah satu unit yang diletakkan di bawah Bahagian Khidmat

Jawapan : 1. Penyewaan, 2. Abdul Kadir, 3. Pembangunan, 4. Pengangkutan, 5. Tujuh, 6. Najah Inani, 7. Panjang, 8. Keretapi, 9. Ogos, 10. Pengurusan

## Perintis

Peneraju Permodenan Infrastruktur Keretapi Negara



## PAK TUBUHKAN MBJ



Kuantan : Majlis Bersama Jabatan (MBJ) diperkenalkan sebagai jentera perundingan diperingkat Jabatan sejak wujudnya *Interim Joint Council* pada tahun 1946 dan kemudiannya dinamakan Majlis Whitley Jabatan pada tahun 1950. Apabila Majlis Whitley Jabatan dibubarkan pada tahun 1969, kerajaan telah membuat kajian dan menyelaraskan bentuk dan perjalanan jentera perundingan ini dengan memperkenalkan penubuhan Majlis Bersama Jabatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1973. Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan seterusnya telah memberi perincian, penekanan dan pindaan terhadap pengoperasian MBJ di sesuatu organisasi.

Selain itu, menurut laman web rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam (<http://www.interactive.jpa.gov.my/mbj/>) MBJ ialah sebuah medium dua hala, di mana pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi.

Menurut laman web itu lagi skop, bidang dan fungsi MBJ lebih menitikberatkan kepada

kepentingan pekerja-pekerja dalam sesebuah organisasi. Di samping bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja, ia juga boleh dijadikan sebagai satu forum perbincangan di antara pihak pengurusan dan pekerja. MBJ yang aktif secara tidak langsung akan dapat menyemai semangat bekerja di kalangan pekerja untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi dan produktif.

Di antara faedah yang boleh didapati daripada mesyuarat MBJ ialah dapat mewujudkan hubungan dan sikap yang positif antara pihak pengurusan dan pihak pekerja, kepuasan hati, peningkatan daya pengeluaran, peningkatan kualiti kerja, penjimatan kos, kemajuan pekerja, sikap hormat menghormati, penyelesaian masalah, kesetiaan kepada organisasi, dan perpaduan. Justeru itu, buat julung-julung kalinya, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah mengadakan majlis Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) bertempat di Gambang Resort City, Kuantan, Pahang pada 2 hingga 4 Disember 2011 yang dihadiri oleh kesemua kakitangan PAK.

Berikut adalah senarai nama Wakil Pegawai dan Wakil Pekerja yang telah dipilih semasa MBJ tersebut.

## WAKIL PEGAWAI

PENGURUS BESAR –  
EN ABDUL KADIR BIN AB LATIFF

PENGURUS KANAN HARTANAH –  
EN MOHAMAD RIDZUAN BIN ISMAIL

PENGURUS PENTADBIRAN DAN KEWANGAN –  
EN STIEN VAN LUTAM

JURUTERA J44 –  
EN AZMEL YAMIN BIN WAHAB

PENGURUS HARTANAH –  
EN MOHD GHAZALI BIN AMAN

AKAUNTAN W41 –  
PN MUZIEANA BINTI MOHID@MOHAMAD

SETIAUSAHA –  
PN SHELA SAARI

## WAKIL PEKERJA

## KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

JURUTERA (PEMBANGUNAN) –  
CIK TAN LAI KUM  
PEGAWAI UNDANG-UNDANG –  
CIK NAJAH INANI BINTI ABDUL JALIL  
PEGAWAI PENILAIAN –  
PN NORAINI BINTI SULAIMAN  
PEGAWAI PENERANGAN –  
PN ANE SALFARIZAN BINTI MISPANI  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT –  
PN NOR ZAWANI BT AB. WAHAB

## KUMPULAN SOKONGAN

PENOLONG JURUTERA –  
EN NORULAZWAR B ISMAIL  
PEMBANTU TADBIR KANAN –  
EN MOHD ROSNI B JAMAL  
PEMBANTU TADBIR –  
PN MAZIANA BT JAMALUDDIN  
PEMBANTU TADBIR –  
PN SYAZWANI BT ALIAS

## Mutiar Kata ▼

"Kebijaksanaan menjanjikan kejayaan dan kebahagiaan tetapi jika disalahgunakan akan mewujudkan penderitaan."

"Harta yang paling menguntungkan ialah SABAR, Teman yang paling akrab adalah AMAL, Pengawal peribadi yang paling waspada DIAM, Bahasa yang paling manis SENYUM, Dan ibadah yang paling indah tentunya KHUSYUK."

PAK TUBUHKAN MBJ •

HARI KELUARGA DISAMBUT MERIAH •

PROGRAM CERAMAH KESEDARAN PENYALAHGUNAAN

DADAH & UJIAN SARINGAN DADAH •

PERTANDINGAN BOLING PIALA PENGURUS BESAR •

Menarik  
Di Dalam

ISSN 2180 - 4079



917721801407009

## ISIKANDUNGAN

- SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG 2
- DARI MEJA EDITOR 2
- HUBUNGI KAMI 2
- PERIHAL PAK 3
- PAK TURUN PADANG 4
- PAK SANA SINI 4,5,6
- PUSPANITA@PAK 7
- MAKALAH 8
- KLIK!KLIK!/RILEKS MINDA 9
- MY RESIPI 10
- RILEKS MINDA 11,12

## Dari Meja Editor



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Apa khabar pembaca sekalian? Keluaran PERINTIS kali ini menentang penubuhan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di PAK. Di samping bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja, ia juga boleh dijadikan sebagai satu forum perbincangan di antara pihak pengurusan dan pekerja. MBJ yang aktif secara tidak langsung akan dapat menyemai semangat bekerja di kalangan pekerja untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi dan produktif. Selain itu, *Railway Assets Corporation Club (RACC)* telah menganjurkan pertandingan boling Piala Pengurus Besar bertempat di The Mines, Sri Kembangan. Turut memeriahkan pertandingan ini adalah penyertaan kakitangan baharu PAK iaitu 18 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH).

Turut dimuatkan dalam PERINTIS kali ini ialah Program Ceramah Kesedaran Penyalahgunaan Dadah & Ujian Saringan Dadah yang diadakan di PAK dan gambar-gambar sekitar Majlis Berbuka Puasa dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri PAK 2011.

Saya amat berharap keluaran PERINTIS kali ini akan memberi manfaat kepada para pembaca sekalian. Sekian, semoga berjumpa lagi pada keluaran PERINTIS akan datang.

Terima kasih

Unit Hal Ehwal Korporat

## Sekapur Sirih Seulas Pinang



Encik Abdul Kadir bin Ab Latiff

Pengurus Besar  
Perbadanan Aset Keretapi

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1 Malaysia....

Selamat bersua kembali pembaca sekalian. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. khususnya kepada Unit Hal Ehwal Korporat kerana buletin PERINTIS berjaya diterbitkan.

Mengakhiri tahun 2011, PAK telah mengambil langkah menubuhkan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) iaitu sebuah medium dua hala, di mana pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi. MBJ telah diwujudkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1973. Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan seterusnya telah memberi perincian, penekanan dan pindaan terhadap pengoperasian MBJ di sesuatu organisasi.

Saya amat berharap dengan penubuhan MBJ ini, semangat bekerja dan motivasi pegawai dan staf PAK akan meningkat dan mendorong ke arah kejayaan organisasi selaras dengan visi dan misi yang didokongnya. Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan SELAMAT DATANG dan SELAMAT BERKHIDMAT kepada 18 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang memulakan perkhidmatan mereka di PAK pada bulan September 2011. Semoga dengan kehadiran mereka, mutu kerja dan perkhidmatan di Perbadanan ini akan bertambah baik dan efisien selaras dengan tuntutan kerja yang semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Akhir kata, semoga PERINTIS berjaya mencapai objektif penerbitannya dan kandungannya memberi manfaat kepada para pembaca. Selamat membaca....

Sekian, terima kasih.

Abdul Kadir

## SIDANG REDAKSI

▼ mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan daripada semua pembaca PERINTIS. Sila salurkan maklum balas atau surat menyurat kepada:

## HUBUNGIKAMI

▼ Editor PERINTIS  
Unit Hal Ehwal Korporat,  
Perbadanan Aset Keretapi (PAK),  
No 29G, Blok B, Jalan TKS 1,  
Kajang Sentral Business Park,  
43000 Kajang,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon :03 8733 2020  
No Faks :03 8733 2222/03 8733 6018  
Emel :salfarizan@rac.gov.my  
Laman Web :http://www.rac.gov.my



## Garam Ubat Sakit Gigi

Sakit gigi memang amat menyeksakan. Apa lagi kalau terkena di tengah malam. Hendak ke klinik mungkin klinik tutup. Jadi anda terpaksa menanggung sakit sampai ke pagi. Kerana itu berikhtiarlah sebelum sakit gigi menimpa anda. Petua ini elok dilakukan bagi menghindar dari terkena sakit gigi. Caranya, campurkan sedikit garam halus pada ubat gigi apabila hendak menggosok gigi setiap pagi. Jika ini diamalkan, anda bukan sahaja dapat menghindarkan diri dari sakit gigi dan mulut, malah gigi anda juga akan menjadi lebih putih dan berseri.

## Muka Berjerawat Dan Berjeragat

Jika kulit muka anda berjerawat dan berjeragat janganlah risau, cubalah petua ini. Ambil dua camca besar asam jawa dengan sedikit air, ramas ia biar campuran itu pekat kemudian tapis airnya. Masak air asam jawa ini dengan api yang sederhana. Ambil secamca teh tepung jagung dibancuh dengan sedikit air. Apabila tepung itu larut, masukkan kedalam air asam jawa tadi. Kacau sehingga ia sebat dan likat, kemudian sejukkannya. Ambil sedikit, sapulah campuran tadi pada muka anda seperti anda mencuci muka, gosok lebih sedikit pada bahagian yang berjeragat, biar 5 -10 minit. Kemudian bilas dengan air lakukan setiap pagi dan malam. Insya-Allah, anda akan dapat rasa perubahannya. Untuk pengetahuan anda campuran itu tidak tahan lama, jadi isikan ia di dalam bekas kedap udara dan simpan kedalam peti ais. Dua tiga hari kemudian, sediakan bancuhan baru.



## Petua Rawat Darah Tinggi

Ambil beberapa helai daun akar mempelas yang telah matang dan bersihkan. Kemudian, rebus daun tadi hingga mendidih. Setelah mendidih, biarkan air rebusan tersebut suam. Akhir sekali, anda minumlah air rebusan tadi perlahan-lahan. Sebaik-baiknya anda amalkan meminumnya setiap hari. Iaitu sekurang-kurangnya 30 minit lepas makan tengahari dan malam. Selain berkhasiat merawat darah tinggi, daun akar mempelas ini juga boleh melicinkan kuku anda dan permukaan kayu.

"Jika kejahatan di balas kejahatan, maka itu adalah dendam. Jika kebaikan dibalas kebaikan itu adalah perkara biasa. Jika kebaikan dibalas kejahatan, itu adalah zalim. Tapi jika kejahatan dibalas kebaikan, itu adalah mulia dan terpuji." ~ La Roche

# MyResepi

## Daging Lada Hitam

### Bahan-Bahan

- 1 mangkuk kecil daging (dipotong kecil, anggaran 200 gm)
- 2 ulas bawang putih
- 1/2 bawang besar (dikisar)
- 1 sudu kecil serbuk lada hitam
- 1/2 bawang besar (dihiris)
- 1/4 sudu kecil garam halus
- 1/2 sudu kecil serbuk perasa



### Cara-cara

1. Panaskan minyak di dalam kualiti.
2. Kemudian tumis bawang besar dan bawang putih yang telah dikisar sehingga naik bau.
3. Masukkan daging, serbuk lada hitam, bawang besar yang dipotong dan kacau sehingga rata.
4. Masukkan air dalam kuantiti yang banyak dan tutup kualiti untuk empuk/lembutkan daging.
5. Masukkan garam dan serbuk perasa.
6. Masukkan air sedikit lagi kalau nak berkuah.
7. Siap untuk dihidang.



## Banana Shake

### Bahan-Bahan

- 500ml susu segar
- 3 biji pisang
- 1 sudu makan gula

### Cara-cara

1. Kisar kesemua bahan.
2. Tuangkan ke dalam bekas minuman.
3. Tambahkan beberapa ketul ais (kalau nak minum sejuk).
4. Hiaskan dengan potongan pisang.

## Kuey Teow Kungfu

### Bahan-Bahan

- Kuey teow
- 2 biji telur
- Lada hitam / lada putih
- Makanan laut (ikut citarasa)
- Lobak merah
- 1 setengah sudu besar tepung jagung
- 1 cawan air
- Sayur-sayur lain (ikut citarasa)
- 1 ulas bawang putih
- 2 biji cili padi (kalau nak lebih pedas boleh letak lebih)
- Sos tiram



### Cara-cara

1. Pukul telur bersama garam dan sedikit lada hitam/putih di dalam gelas.
2. Masukkan kuey teow hingga 3/4 gelas.
3. Tuang dalam kualiti yang dah diletakkan sedikit minyak. Ratakan kuey teow supaya menjadi sedikit nipis.
4. Balikkan supaya kedua-dua belah masak. Setelah masak, masukkan dalam pinggan
5. Untuk kuah: Tumis bawang putih hingga naik bau dan kemudian masukkan makanan laut.
6. Tuangkan tepung jagung yang telah dibancuh dengan air dalam kualiti.
7. Masukkan sedikit lada hitam, cili padi, sedikit sos tiram, lobak merah dan sayur-sayuran.
8. Biarkan kuah sedikit pekat kemudian tuangkan ke dalam pinggan berisi kuey teow tadi (kalau nak lebih kuah boleh tambah lagi air).

Sumber: <http://www.myresipi.com/>

# Mengenal Perbadanan Aset Keretapi

## Pembangunan Hartanah Keretapi

Aktiviti pembangunan hartanah keretapi merupakan antara aktiviti utama Perbadanan Aset Keretapi (PAK) selain daripada penyewaan dan pajakan tanah-tanah keretapi. Aktiviti ini juga membolehkan PAK menjana pendapatan secara jangka panjang.

## Jenis Pembangunan Hartanah Keretapi

Tanah keretapi terbahagi kepada dua bahagian iaitu Tanah Berhakmilik dan Tanah rizab.

### 1. Tanah Berhakmilik

i. Tanah berhakmilik boleh digunakan bagi tujuan perkeretapian atau pembangunan bercampur bergantung kepada syarat nyata di dalam geran hakmilik. Walau bagaimanapun, keutamaan adalah kepada industri perkeretapian bagi sebarang pembangunan yang dilaksanakan.

ii. Tanah berhakmilik terbahagi kepada 2 iaitu Tanah Kekal dan Tanah Pajakan Negeri (99/999 tahun).

### 2. Tanah rizab

Tanah rizab pula hanya boleh dimajukan bagi tujuan perkeretapian sahaja. Tanah ini terbahagi kepada 3 iaitu :

- i. rizab berukuran dan diwartakan
- ii. rizab berukuran dan tidak diwartakan
- iii. rizab tidak berukuran dan tidak diwartakan

## Prosedur Pembangunan Hartanah

Tanah-tanah keretapi boleh dimajukan melalui cadangan-cadangan pembangunan yang dikemukakan oleh pihak swasta, agensi Kerajaan atau melalui Rancangan Malaysia (RMK) kepada pihak Perbadanan Aset Keretapi. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dipatuhi bagi permohonan cadangan pembangunan di atas tanah keretapi :

### Langkah 1 :

Pemaju perlu mengenalpasti tanah yang hendak dibangunkan adalah hakmilik Perbadanan Aset Keretapi sebelum mengemukakan sebarang permohonan kepada Unit Pembangunan ataupun menyemak status tanah tersebut melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri atau di Unit Pembangunan, pejabat Perbadanan Aset Keretapi.

### Langkah 2 :

Pemaju perlu mengemukakan cadangan pembangunan secara bertulis (surat rasmi) kepada Pengurus Besar, Perbadanan Aset Keretapi dengan melampirkan maklumat-maklumat berikut:

#### 1. Profil Syarikat :

- a. Maklumat Syarikat
- b. Latar Belakang Syarikat
  - Sasaran (*goal*), objektif, sejarah syarikat, eksekutif, carta organisasi, jumlah pekerja, jenis perniagaan atau bidang yang dijalankan, maklumat kewangan dan pengalaman syarikat (projek yang telah dan sedang dijalankan)
- c. Lain-lain
  - Sijil-sijil dan anugerah, senarai pelanggan, berita-berita mengenai syarikat dan penglibatan aktiviti-aktiviti komuniti.

#### 2. Kertas Cadangan Pembangunan :

- a. Tajuk cadangan pembangunan
- b. Pelan kunci dan pelan lokasi tapak cadangan
- c. Isu, tujuan dan objektif cadangan pembangunan
- d. Konsep cadangan pembangunan (jenis pembangunan, rekabentuk bangunan - termasuk komponen yang dicadangkan, pelan konsep (*conceptual plan*) atau pelan induk (*master plan*) jika ada)
- e. Pulangan pelaburan (ROI) sama ada dalam bentuk 'Tunai' atau 'In-Kind'
- f. Lampiran lain-lain (Keratan rentas, perspektif, 3D model dan lain-lain)

## Program Hari Bertemu Pelanggan

Kementerian Pengangkutan Malaysia telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pengangkutan pada 01 Oktober 2011 bertempat di Institut Latihan Pentadbiran Dan Pengurusan Pengangkutan Laut (ILPPPL), Pelabuhan Klang, Selangor. Program Hari Bertemu Pelanggan yang dihoskan oleh Jabatan Laut Malaysia ini telah dianjurkan serentak bersamaan dengan Sambutan Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan 2011. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk berinteraksi dan mengenali dengan lebih dekat dengan jabatan serta agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Selain itu juga, program ini juga untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk melihat dan mendengar sendiri akan fungsi, peranan serta tugas-tugas sebenar yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian ini. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program tersebut antaranya pameran dari agensi-agensi, dan pertandingan kuiz.

## PAK Ambil Pekerja Sambilan Harian (PSH) Pastikan Projek NKRA Berjalan Lancar

Kementerian Pengangkutan komited untuk mentransformasi sistem pengangkutan awam kepada bertaraf dunia terutama di Lembah Klang di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada April 2009. Sejalan dengan usaha tersebut, PAK sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran tanah-tanah keretapi telah dipertanggungjawabkan untuk menambah kira-kira 6,800 tempat meletak kereta baru di 14 stesen rel utama, di luar kawasan pinggir pusat bandar utama. Sehubungan itu, PAK telah membuat pengambilan seramai 18 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) bagi membantu pelaksanaan projek tersebut.

Penempatan bagi 18 orang PSH adalah seperti berikut:

- |    |                         |           |
|----|-------------------------|-----------|
| a) | Unit Pembangunan        | : 7 Orang |
| b) | Unit Hartanah           | : 5 Orang |
| c) | Unit Undang-Undang      | : 2 Orang |
| d) | Unit Hal Ehwal Korporat | : 1 Orang |
| e) | Unit Pentadbiran        | : 1 Orang |
| f) | Unit Kewangan           | : 2 Orang |



## Klik Memori Perkahwinan



**Nama pengantin lelaki :** Mohamad Fadzil bin Shaheri  
**Nama pengantin perempuan :** Raja Nur Arena binti Raja Ibrahim  
**Tarikh :** 10 Disember 2011  
**Alamat :** No. 2, Jalan Pinggiran Putra 5/10, Taman Desa Pinggiran Putra, 43000, Kajang, Selangor.



**Nama pengantin lelaki :** Mohd Nur Firdaus bin Samsudin  
**Nama pengantin perempuan :** Nor Azimah binti Mohd Mokhtar  
**Tarikh :** 24 Disember 2011  
**Alamat :** No. 160, Tebok Montel Selatan, Simpang 4 B.N.O, 45200 Sabak Bernam, Selangor



**Nama pengantin lelaki :** Azlan bin Punari  
**Nama pengantin perempuan :** Nurulhuda binti Sabran  
**Tarikh :** 27 November 2011  
**Alamat :** No. 98, Kg. Tebok Mufrad, 45100 Sg. Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan.

**Nama pengantin lelaki :** Mohd Hanif bin Mohd Amin  
**Nama pengantin perempuan :** Nik Hajar binti Nik Hassan  
**Tarikh :** 9 Oktober 2011  
**Alamat :** Dewan Pustaka dan Bahasa



# Teknologi Hijau

## Pengenalan

Teknologi hijau adalah aplikasi sains alam sekitar untuk memulihara sumber dan alam semulajadi bagi menangani impak negatif aktiviti manusia. Teknologi Hijau adalah teknologi rendah karbon dan lebih mesra alam berbanding dengan teknologi sedia ada. Apabila kita menggunakan teknologi hijau, kita menggunakan sumber-sumber seperti tenaga, air dan sebagainya secara minimum untuk menghasilkan sesuatu produk. Oleh yang demikian, apa-apa teknologi yang menyumbang kepada pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau atau digunakan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang menghasilkan pelepasan Gas Rumah Hijau yang tinggi perlu dikurangkan melalui kesedaran pada peringkat permulaannya dan selanjutnya melalui penguatkuasaan. Aplikasi Teknologi Hijau juga adalah selaras dengan konsep pembangunan mapan (sustainable development) di mana pembangunan yang dilaksanakan perlu memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi masa depan. Sehubungan itu, kita bertanggungjawab untuk memastikan generasi akan datang dapat sekurang-kurangnya menikmati kualiti kehidupan yang kita perolehi sekarang atau kualiti yang lebih baik dari sekarang.

## Definisi

Teknologi Hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Teknologi Hijau merujuk kepada produk, peralatan, atau sistem yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Meminimumkan degenerasi kualiti persekitaran
- Mempunyai pembebasan gas rumah hijau (GHG) yang rendah atau sifar
- Selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua kehidupan
- Menjimatkan tenaga dan sumber asli
- Menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui

## Objektif Teknologi Hijau

- Untuk mengurangkan kadar peningkatan penggunaan tenaga dalam masa yang sama meningkatkan pembangunan ekonomi;
- Untuk membantu pertumbuhan dalam industri Teknologi Hijau dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara;
- Untuk meningkatkan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan Teknologi Hijau dan meningkatkan daya saing dalam Teknologi Hijau di persana antarabangsa;
- Untuk memastikan pembangunan mapan dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang; dan
- Untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap Teknologi Hijau dan menggalakkan penggunaan meluas Teknologi Hijau.

## Program Kesedaran Mengenai Teknologi Hijau

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mula menjalankan program-program kesedaran mengenai Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Diperbaharui yang merupakan salah satu daripada cabang Teknologi Hijau sejak tahun 2000 lagi. Antaranya ialah melalui penubuhan *Centre for Education, Training and Research in Renewable Energy and Energy Efficiency (CETREE)* oleh Universiti Sains Malaysia. Program-program ini disasarkan kepada golongan profesional, sekolah, institusi pengajian tinggi dan orang awam di Malaysia. Selain itu, CETREE telah menganjur program seperti Pameran program Kempen Penjimatan Tenaga & Alam Sekitar dan Kempen Cekap Tenaga di USM, Pertandingan Eureka, Kereta Solar dan Dapur Surya, Karnival Pendidikan Sains dan Teknologi Kebangsaan dan sebagainya. Selain daripada itu, CETREE juga telah membangunkan Modul Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga Merentasi Kurikulum Sekolah Rendah di seluruh Malaysia bagi menimbulkan kesedaran murid sekolah di peringkat awal dalam Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga.

Selain itu, Kementerian juga telah melaksanakan program *Energy Month* peringkat Kebangsaan secara tahunan bagi meningkatkan kesedaran mengenai Tenaga Boleh Diperbaharui dan mempromosikan amalan Kecekapan Tenaga di kalangan orang awam dan sektor swasta. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa program *Energy Month* adalah mengadakan ceramah-ceramah berkaitan Kecekapan Tenaga, menerbitkan buku panduan Kecekapan Tenaga Di Rumah, menerbitkan siri artikel di surat khabar dan menggunakan media massa untuk menggalakkan amalan Kecekapan Tenaga.

Di masa akan datang, Kementerian akan melaksanakan kempen Teknologi Hijau yang akan melibatkan *stake-holders* yang berkaitan termasuk orang awam dan Kementerian/Jabatan Kerajaan, badan bukan Kerajaan dan lain-lain agensi yang berkaitan bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan semua pihak mengenai kepentingan Teknologi Hijau dalam kehidupan kita. Ini bagi memastikan program-program lain yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mempromosi dan membangunkan Teknologi Hijau tempatan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan dihayati oleh semua lapisan masyarakat.

# En Mohd Ghazali dan Pn Norsaidatul Azrani Terus Mengungguli Pertandingan Boling Piala Pengurus Besar

Juara bertahan kategori Lelaki dan Perempuan Pertandingan Boling Piala Pengurus Besar untuk dua tahun berturut-turut En Mohd Ghazali Aman dan Puan Norsaidatul Azrani Hamzah sekali lagi membuktikan bahawa mereka adalah yang terbaik. Dengan 439 jatuhan pin, En Mohd Ghazali berjaya mengeneipkan Naib Juara yang diungguli En. Norulazwar yang hanya berjaya membuat sebanyak 415 jatuhan pin. Sementara itu, Pengurus Pentadbiran dan Kewangan PAK yang baharu iaitu En Hazlan Abdul Aziz berjaya mendapat tempat ketiga dengan 414 jatuhan pin. Sementara itu, Pn Norsaidatul Azrani pula muncul juara dengan 368 jatuhan pin, manakala Pn Nurul Huda yang meraih tempat kedua berjaya membuat 363 jatuhan pin. Tempat ketiga disandang oleh Cik Hasnoor Azliani dengan 344 jatuhan pin.

Pertandingan yang dianjurkan *Railway Assets Corporation Club (RACC)* telah diadakan di Mines Boling, The Mines pada 7 Oktober 2011. Pertandingan tersebut yang dibahagikan kepada kategori berkumpulan, perseorangan lelaki dan perseorangan wanita. Acara tahunan ini diadakan bertujuan untuk mencari serta memupuk bakat-bakat baru dalam permainan boling dan mereka yang menjadi juara sekaligus mewakili PAK dalam pertandingan boling di peringkat Kementerian Pengangkutan. Selain itu, aktiviti ini juga diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim dan hubungan sesama warga kerja PAK.

Bagi kategori berkumpulan, kumpulan di LANE 22 yang dianggotai Pn Norsaidatul Azrani dan En Zulfadhli telah berjaya menjadi juara dengan 1,427 jatuhan pin jauh meninggalkan kumpulan di LANE 26 (En Zulizwan, Cik Hasnoor, En Azirul dan Cik Muizzah) yang hanya mampu mengutip 1,283 jatuhan pin. Sementara itu, dengan berbekalkan 1,279 jatuhan pin kumpulan di LANE 19 yang dianggotai oleh En Nurussalehin, Pn Norazita, Pn Nurul dan En Norulazwar sekadar berpuas hati di tempat ketiga. Hadiah bagi kesemua pemenang di sampaikan oleh Penaung RACC yang juga Pengurus Besar PAK, En Abdul Kadir bin Ab Latiff.

Berikut adalah nama-nama pemenang pertandingan tersebut :

PEMENANG	KATEGORI/JUJAH PUNGUTAN					
	BERKUMPULAN	PIN	INDIVIDU LELAKI	PIN	INDIVIDU WANITA	PIN
JUARA	LANE 22 PN NORSAIDATUL AZRANI EN ZULFADZLI	1,427	EN MOHD GHAZALI	439	PN NORSAIDATUL AZRANI	368
NAIB JUARA	LANE 26 CIK HASNOOR AZLIANI EN ZULIZWAN EN AZIRUL HAZIMI CIK NUR MUIZZAH	1,283	EN NORULAZWAR	415	PN NURUL HUDA	363
KETIGA	LANE 19 EN NURUSSALEHIN PN NORAZITA PN NURUL HUDA EN NORULAZWAR	1,279	EN HAZLAN ABDUL AZIZ	414	CIK HASNOOR AZLIANI	344



## Program Ceramah Kesedaran Penyalahgunaan Dadah & Ujian Saringan Dadah

Bermatlamat untuk mewujudkan persekitaran kerja bebas dadah, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah mengadakan Program Ceramah Kesedaran Penyalahgunaan Dadah dan Ujian Saringan Dadah pada 24 Oktober 2011 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama.

Disampaikan oleh En. Johari bin Yunus, Pegawai Pencegahan Anti Dadah dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) program ini juga memberi peluang kepada staf PAK mendapat pemahaman tentang kesan dadah terhadap kesihatan dan juga persekitaran kerja. Selain itu, staf PAK turut mendapat pengetahuan dan kemahiran untuk menghindarkan diri dari dadah. Dengan adanya program ini, penglibatan pekerja dalam penagihan dadah turut dapat dikurangkan.

Selain itu, turut dilakukan pemeriksaan Saringan Ujian Urin secara sukarela (*Random Urine Test - RUT*) terhadap semua warga PAK.



# Sekitar Majlis Berbuka Puasa PAK 2011



# Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PAK 2011

Sempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 30 Ogos 2011, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) tidak ketinggalan untuk menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 28 September 2011 di Bilik Latihan Perhimpunan PAK. Majlis yang dihadiri oleh semua warga kerja PAK termasuk Pekerja Sambilan Harian (PSH) telah disempurnakan oleh Pengurus Besar PAK, En. Abdul Kadir bin Ab Latiff.

Tujuan majlis ini dianjurkan adalah bagi memberi peluang kepada semua staf PAK untuk meraikan sambutan Aidilfitri selain untuk merapatkan hubungan sesama warga kerja PAK. Majlis ini juga diadakan bagi meraikan kedatangan 18 orang PSH yang baru berkhidmat di Perbadanan ini.

Majlis ini dimulakan dengan kata-kata aluan daripada Pengurus Besar PAK yang mahu semua warga kerja Perbadanan ini terus berkhidmat dengan cemerlang dan tidak lupa pada tanggungjawab masing-masing. Beliau juga menegaskan dengan adanya penambahan staf iaitu kemasukan seramai 18 orang PSH ianya akan dapat membantu unit-unit berkaitan memberi perkhidmatan yang lebih cepat dan sempurna.

Majlis ini diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada tingkat yang berjaya dalam Pertandingan Menghias Pejabat Sempena Sambutan Aidilfitri dan Hari Kemerdekaan. Turut diadakan penyampaian hadiah kepada staf yang menyambut Hari Lahir pada bulan Julai, Ogos dan September.

Pemenang-Pemenang Pertandingan tersebut adalah :-

- Pemenang Pertama : Tingkat 3
- Pemenang Kedua : Tingkat 1
- Pemenang Ketiga : Tingkat G
- Pemenang Keempat : Tingkat 2



# Lawatan Sambil Belajar (Agrotourism) Di Perlis

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan telah menganjurkan Program Lawatan Sambil Belajar (Agrotourism) ke Perlis. Program lawatan ini telah diadakan selama tiga hari iaitu pada 27 hingga 30 Oktober 2011.

Program lawatan ini yang dihoskan oleh Biro Pembangunan Keluarga dibawah seliaan Perbadanan Aset Keretapi bermatlamat untuk:

- i) Memberi pendedahan mengenai Agrotourism yang terdapat di Perlis
- ii) Mempelajari dengan lebih mendalam mengenai perikanan di Perlis
- iii) Menjalinkan dan mengeratkan silaturahim di kalangan ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Malaysia.
- iv) Menimba pengalaman, memahami dan menghayati konsep perpaduan kaum selaras dengan gagasan 1Malaysia.

Seramai 28 ahli PUSPANITA menyertai lawatan ini dengan pelbagai acara telah disusun oleh pihak penganjur. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah lawatan ke Taman Anggur, Pusat Pertanian Bukit Bintang, Pusat Perusahaan Coklat, Pusat Pemprosesan Ikan Pekasam, Kedai Pemprosesan Belacan dan Taman Rimba Herba Negeri Perlis.

